

Headline	Premium RM10.3b pulihkan TH		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	15 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	19	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	385 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,797
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,392



Premium RM10.3b pulihkan TH

Kerajaan biaya pelan penyelamat, penyusunan semula dana haji

Kuala Lumpur: Kerajaan akan menanggung premium RM10.3 bilion untuk memastikan kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji (TH) pulih.

Menurut Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB), langkah itu adalah sebahagian daripada pelan penyelamat dan penyusunan semula dana haji.

UJSB, unit milik penuh Kementerian Kewangan (MOF) menyelesaikan pemindahan aset tidak berbayar bernilai RM9.63 bilion yang dipegang oleh TH pada Disember tahun lalu, susulan kejerosotannya akibat salah pengurusan kewangan dan salah laku pengurusan sebelum ini.

Pemindahan ini dilakukan daripada TH kepada UJSB sebagai pertukaran untuk sejumlah RM19.90 bilion, yang terdiri da-

ri pada dua peringkat sukuk berjumlah RM19.60 bilion, iaitu RM10 bilion sukuk tujuh tahun dan saham keutamaan boleh tukar Islam bernilai RM9.9 billion (RCPS-1) serta wang tunai RM300 juta yang perlu dibayar kepada TH.

"Perbezaan sebanyak RM10.3 bilion antara pertimbangan sebanyak RM19.90 bilion dan nilai pasaran ke atas aset sebanyak RM9.63 bilion, akan ditanggung oleh kerajaan bagi memastikan kedudukan kewangan TH dipulihkan," kata UJSB dalam kenyataan di sini semalam.

UJSB berkata sekiranya nilai aset menyusut lebih lanjut, kerugian yang perlu ditanggung oleh kerajaan akan lebih tinggi daripada RM10.3 bilion.

Mengulas lanjut mengenai aset yang dipindahkan, UJSB berkata ia terdiri daripada gabungan pegangan ekuiti, hartanah dan aset perladangan yang tidak tersenaraikan.

Aset harta yang dipindahkan ke UJSB termasuk 0.63 hektar tanah di Tun Razak Exchange (TRX).

Tanah itu dibeli oleh TH pada harga RM188.5 juta atau RM2,760 satu kaki persegi (psf), jauh lebih tinggi daripada yang dibayar oleh 1Malaysia Development Bhd

(IMDB) pada harga RM75 psf (atau RM5.1 juta untuk 0.63 hektar).

"UJSB kemudian membeli tanah TRX dari TH pada harga RM400 juta atau RM5,856 psf, yang tidak mencerminkan nilai pasaran sebenar tanah itu. Pertimbangan pembelian dilakukan pada premium yang signifikan (112.2 peratus) kepada yang dibayar oleh TH pada April 2015 (RM188.5 juta atau RM2,760 psf)," katanya.

Dalam penilaian yang dibuat pada Mac 2019, nilai pasaran tanah TRX itu hanya berjumlah RM205 juta.

Perbezaan besar antara nilai pasaran dan nilai pembelian tanah (95 peratus premium berbanding nilai pasaran), serta semua aset lain yang diperoleh oleh UJSB, diperlukan untuk memastikan pelan penyelamat dan penyusunan semula LTH berjaya.

Secara keseluruhan, UJSB akan menanggung kerugian ketara akibat caj kejerosotan nilai yang dianggarkan melebihi RM10 bilion untuk aset yang diperoleh dari TH.

Urus niaga tanah TRX itu sahaja akan menyebabkan caj kejerosotan sebanyak RM195 juta.



Bangunan Tabung Haji di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

"Susulan pemindahan aset yang kini selesai, UJSB akan meneruskan mandat dan tujuannya bagi menjalankan pemuliharaan dan penstrukturkan semula aset di bawah jagaannya, memaksimumkan nilai pemuliharaan aset dan melebur semua instrumen kewangan yang dikeluarkan oleh UJSB dan dilanggar oleh TH tetap pada masanya," katanya.

BERNAMA